

No.923 – Dalam satu riwayat lain asal ayat ini berbunyi (.....) kemudian lafaz Muhammad ditukar kepada lafaz Al-Imran.

No.924 – Sekiranya al-Quran yang ada sekarang mengikut pendapat kamu telah ditahrif, ditukar, mutanafirul huruf, dibuang ayat, dibuang kalimah, dibuang surah. Disebabkan semua ini telah berlaku Quran yang ada sekarang bukan Quran yang sebenar, bahkan Quran yang sebenar bagi kamu ialah yang ada pada imam Mahdi di dalam gua Surra Man Roa. Kalau begitu bolehkah kamu perkenalkan Quran yang sebenar kepada kami?

No.925 – Kami mahu tahu Quran yang ada pada imam Mahdi betul-betul sama atau tidak dengan Quran yang ada sekarang? Kalau sama dengan yang sekarang adakah Quran sebenar yang ada pada imam Mahdi juga diubah? Siapa yang mengubahnya?

No.926 – kalau kamu kata tidak sama, adakah tidak sama dalam semua sudut atau sesetengahnya sahaja?

No.927 – sekiranya tidak sama dalam semua sudut, imam-imam kamu dahulu kamu menggunakan Quran yang mana untuk berdalil? Boleh diterima atau tidak?

No.928 – sekiranya boleh diterima para imam menggunakan Quran yang salah, bolehkah seseorang yang beramal dengan bukan Quran yang sebenar masuk ke syurga?

No.929 – kalau kamu berpendapat boleh diterima para imam menggunakan Quran yang salah dimanakah kemaksuman imam-imam?

No.930 – Dalam Usul Kafi disebutkan rujuk dalam Quran. Maksudnya Quran yang mana? Tolong jawab.

No.931 – Sekiranya Quran yang dimaksudkan dalam kitab-kitab kamu itu Quran yang lain, apa buktinya? Tolong jawab yang ada ada dalam Usul Kafi ini, kenapa dia kata “Di dalamnya (Quran yang sebenar) ada segala perkara yang halal dan haram dan segala benda yang diperlukan manusia.” Seolah-olah dia menganggap Quran yang ada sekarang tidak mengandungi semua benda yang halal dan haram dan segala benda yang diperlukan manusia. Ini menunjukkan Quran sekarang dan Quran yang ada pada I. Mahdi berbeza.

No.932 – Tolong jawab, Quran Fatimah panjangnya 70 hasta, kalau kamu terima tiada apa-apa masalah, kalau kamu tidak bersetuju, apa makna yang ada dalam kitab kamu ini: “Apakah al-Jaamiah? Jawabnya: Quran yang panjangnya 70 hasta.” (Usul Kafi, cetakan Iran m/s 115)

No.933 – Adakah kamu mempercayai/menerima mushaf Fatimah? Kalau kamu tidak menerimanya/mempercayainya bermakna kamu mengatakannya tanpa dalil. Sekiranya kamu kata “kami mempercayainya” kami mahu tanya betul atau tidak dalam mashaf Fatimah tidak ada satu pun lafaznya yang sama dengan Quran yang ada sekarang?

No.934 – Kalau jawapan kamu ‘kami tidak percaya’ apa makna yang di bawah ini? “Kami mempunyai mushaf (Quran), kamu tahu apakah mushaf Fatimah? Saya menjawab, ‘Apakah

mushaf Fatimah?Di dalamnya ada seperti Quran kamu tiga kali ganda.Demi Allah tidak ada di dalamnya satu huruf pun daripada Quran kamu (Usul Kafi,m/s 115 cetakan Iran)

No.935 –Apabila diketahui hakikat Quran kamu dan diketahui bahawa tidak ada satu huruf pun daripada Quran ini ada di dalamnya.Cuba jelaskan huruf apa yang tidak ada dalam Quran itu?Bagaimana ayat-ayat/perkataandalam mushaf/Quran itu terbentuk sehingga menjadi sebesar-besar peha unta?Tolong jelaskan kepada kami dengan bahasa yang mudah dan supaya kami berpuas hati.

No.937 –Sekiranya kamu kata dalam Quran ada disebut(.....) bermakna Quran ini terpelihara dan lain-lain riwayat yang menafikan ketulenan al-Quran semuanya adalah tertolak.Kalau kamu berpendapat begitu,kami mahu tanya kenapa Mula Khalil Qhazwini berkata dalam ibarat as-Sofi,syarah Usul Kafi m/s 76 baris ke-2 juzuk ke-6.Apa jawapan kamu bila dia secara terang-terangan mengistiharkan begini:”bukan,ayat ini tidak menunjukkan semua ayat Quran terpelihara kerana ada riwayat –riwayat itu dimansuhkan atau maksudnya ialah satu nuskah daripada Quran yang betul ada pada I.Mahdi.Kami akan menurunkannya dan kami akan menjaganya sehingga i.Mahdi muncul.

No.938 –Kalau orang Syiah kata dalam tafsir Sofi ada(.....) jaga/memeliharanya daripada diseleweng,diubah dan dikurangkan.Tuhan memeliharanya/menjaganya daripada tahrif,diubah maksudnya Quran yang mana?

No.939 –Kalau imam-imam ma’sum(mengikut akidah Syiah)telah jelasdalam sekian riwayatmengatakan tidak sama dengan yang ada dalam tafsir Sofi tadi.Bagaimana boleh berdalil dengannya?Kamu mahu ikut/berpegang dengan yang mana?Imam yang ma’sum atau Mula Muhsin?

No.940 –Dalam ajaran kamu bolehkah pendapat orang lain diutamakan daripada pendapat imam?Kalau jawapannya boleh,bawakan dalilnya.

No.941 –Dalam peperangan Siffin, S.Ali menerima cadanganuntuk berdamai yang dikemukakan oleh puak Muawiyah dengan menjulang Quran di hujung-hujung tombak.Kalau Quran itu palsu kenapa S.Ali menerimanya dan berhenti berperang?Bolehkah berhakimkan Quran yang palsu?

No.942 –Kalau kamu berpendapat mahfuz itu yang berada di dalam luh mahfuz,kenapa perlu dibawa turun?

No.943 –Berdasarkan teorikamu,cuba fahamkan ayat ini (.....) apa maknanya?

No.944 –Dalam kitab Sahifah Alawiyah m/s 203 ada disebutkan kelebihan -kelebihan Quran.Syiah mendakwa dalam keadaan ini Syiah boleh menerima kelebihan-kelebihan Quran dan ada disebut/dinukilkan dalam kitab-kitabnya.Kenapa menuduh kita mengatakan al-Quran tidak lengkap,telah ditahrif.Soalnya dalam kitab kamu disebutkan tentang kelebihan

Quran bukan beriman kepada Quran.Keduanya adakah maksud Quran yang disebutkan itu adalah Quran yang ada sekarang?

No. 945 –Sekiranya Syiah berpendapat seperti Ahli Sunnah Waljamaah iaitu Quran ada yang mansukh dan ada yang tidak dimansukhkan.Apakah boleh dikatakan ianya termasuk dalam tahrif?Cuba jelaskan perbezaan di antara nasakh dan tahrif?

No.947 –(.....)dan (.....) tidakkah di sini(dalam ayat ini) ‘kami’ dikaitkan dengan Allah dan tahrif adalah perbuatan manusia,bukan Allah

No.948 –Sekiranya Syiah mendakwa S.Uthman ada membakar Quran,kami mahu tanya adakah disebutkan dalam kitab ahli sunnah yang mu’tabar seperti Bukhari bahawa S.Uthman telah membakar Quran?S.Uthman perintahkan suruh bakar itu yang bercampur dengan nota-nota/tafsir kerana bimbang orang ramai terkeliru.Kalau bakar yang tafsir,itu lain.

No.949 –Sekiranya seseorang merobohkan masjid yang lama dan mendirikan masjid yang baru,adakah salah?

No.950 –S.Uthman telah koyak,antaranya al-Quran.Kalau koyaknya bersama tafsir yang mengelirukan,adakah ianya salah?Kalau koyaknya selepas dibasuh adakah ianya salah? Sedangkan Syiah juga boleh terima kerana dia pun berpegang dengan yang ini.

No.952 –Kalaulah S.Uthman telah bakar Quran,beliau bakar Quran yang telah ditahrif/palsu,apa salahnya.Kalau S.Uthman tidak bakar Quran,Syiah tidak juga merujuk Quran itu.Kalau S.Uthman bakar Quran,Quran mana yang dibakar?

No.954 –Sekiranya Syiah kata sebahagian Quran ahli sunnah telah dimakan oleh kambing,apa kaitannya dengan kepercayaan kamu terhadap Quran?Kalau kambing yang memakannya atau tidak kamu tetap tidak percayakan Quran

No.955 –Dimanakah tempat Quran?Di atas kertas atau di dalam hati penghafalnya?Kita mahu tanya sekiranya Quran bukan di atas kertas,ianya bukan Qurankah?

No.956 –Kita telah maklum tentang kepercayaan terhadap Quran iaitu dalam Quran telah berlaku tahrif,tokok tambah dan bermacam-macam penyelewengan.Sekarang kamimahu tahu apa pandangan kamu(Syiah) tentang akidah tauhid/ketuhanan.Di dalam kitab Tarikul Aemmah,sebuah kitab mu’tabar Syiah tersebut berhubung S.Ali bahawa setiap satu mukjizat S.Ali adalah pelik/ganjil dan zat Ali menguasai sesuatu.Adakah kamu bersetuju?Cuba jawab apa pandangan kamu terhadap Ali dari segi kuasanya seperti yang tersebut dalam kitab mu’tabar Syiah.

No.957 –Sekiranya kamu bersetuju,apa ertinya firman Allah s.w.t (.....).Tidakkah ini menunjukkan Maha Berkuasa itu adalah khusus/sifat Allah dan sesiapa yang menganggap ada orang lain yang berkongsi dengan tuhan dalam sifat ini dia telah melakukan kesyirikan.

No.958 –Sekiranya kamu tidak bersetuju,apa pandangan/pendapat kamu tentang orang yang berakidah seperti ini?kafir atau tidak?.Kamu menafikan S.Ali tidak menguasai sesuatu tetapi kenapa kamu meminta sesuatu hajat dengannya dan menyeru namanya?Kamu menganggap S.Ali mempunyai sifat penyelesaian segala masalah/mempunyai sifat yang memenuhi hajat manusia?Tolong jelaskan.

No.959 –Selepas daripada al-Quran dan tauhid,kita berpindah pula kepada akidah berhubung kerasulan/kenabian.Bukankah kedudukan Nabi Muhammad s.a.w lebih mulia daripada sekalian makhluk?

No.960 –Sekiranya kamu berpendapat seperti kami,bagaimana dengan ibarat yang tersebut dalam kitab kamu:”Mukhtasor Basoiruddarajat” yang menunjukkan di zaman raj’ah ,Nabi s.a.w akan berbaiah di tangan I.Mahdi dan S.Ali.”Orang yang mula-mula sekali berbaiah dengan S.Ali dan I.Mahdi adalah Nabi s.a.w. dalam Mukhtasor Basoiruddarajat m/s 213,pengarang:S.Khalil bin Sulaiman,anak murid kepada S.as-Shahidul Awwal,cetakan Najaf.

No.962 –Kamu menganggap sahabat-sahabat selain Ali,Miqdad,Salman,Abu Dzar dan Ammar Bin Yasir semuanya telah murtad berdasarkan kitab Ihtijaj.2)Kamu menganggap S.Abu Bakar dan S.Umar sebagai Firaun dan Haman umat ini berdasarkan kitab Hasyiyah Maqbul.3)Dalam akidah kamu di zaman raj’ah, S.Aa’isyah akan dikenakan sebatan kerana berzina berdasarkan kitab Haqqul Yakin.Benarkah apa yang kamu katakan ini/apa yang ada dalam kitab kamu ini?